

P.U. (B) 201.

**AKTA BINATANG 1953
PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 80(1)**

Menurut subseksyen 80(1) Akta Binatang 1953 [*Akta 647*], dengan ini diberitahu bahawa stesen-stesen kuarantin binatang Persekutuan yang berikut telah ditubuhkan:

- (a) Stesen Kuarantin Binatang Pelabuhan Kelang, di Pelabuhan Kelang, Selangor pada 25 Januari 1974;
- (b) Stesen Kuarantin Binatang Rantau Panjang, di Rantau Panjang, Kelantan pada 1 November 1976;
- (c) Stesen Kuarantin Binatang Padang Besar, di Padang Besar, Perlis pada 1 Ogos 1990;
- (d) Stesen Kuarantin Binatang Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di Sepang, Selangor pada 30 Jun 1998;
- (e) Stesen Kuarantin Binatang Batu Maung, di Pulau Pinang pada 1 Jun 1999; dan
- (f) Stesen Kuarantin Binatang Labuan, di Wilayah Persekutuan Labuan pada 2 Januari 2008.

Pemberitahuan di bawah subseksyen 80(1) bagi Stesen Kuarantin Binatang Pelabuhan Kelang [*P.U. (B) 216/1974*] dengan ini dimansuhkan.

Bertarikh 19 Mac 2008
[KP/LA/483/17 Jld. 4; PN(PU2)195/V]